

Tangani isu 'ketagih' teknologi dengan pendidikan



PENDIDIKAN 'SENJATA' KITA: Selain mendidik generasi muda tentang pentingnya menghormati diri dan orang lain serta penggunaan teknologi dengan selamat, Dr Lee (*gambar kecil, kanan*) menyarankan supaya disediakan sukatan pelajaran bidang kesejahteraan siber khas buat warga dewasa. – Foto fail hiasan



Foto SUSS

TITIK keseimbangan penggunaan teknologi dan menjaga perhubungan dengan insan sekeliling boleh dicapai menerusi pendidikan. Menurut Ketua Program Per-

hubungan Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS), Dr Brian Lee Chin Hin, masyarakat banyak menumpukan perhatian terhadap sesuatu teknologi.

Namun, kita tidak banyak berbincang tentang bagaimana teknologi tersebut boleh menjejaskan hubungan sesama insan, ujarnya ketika diwawancara menerusi e-mel.

“Keseimbangan antara teknologi dan modal insan seharusnya ditekankan lagi menerusi sistem pendidikan kita. Contohnya, ada program kesejahteraan siber yang dijalankan menerusi bimbingan guru utama kelas di sekolah rendah dan sukatan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) di sekolah menengah.

“Topik kesejahteraan siber pun diselitkan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda. Program sedemikian membimbing

pelajar memahami kelakuan di wadah dalam talian dan mengajar mereka melindungi diri,” ujarnya.

Dr Lee juga berkata dua matlamat utama pelajaran itu, yakni menghormati diri sendiri dan orang lain serta penggunaan selamat dan bertanggungjawab, bertujuan membantu pelajar secara proaktif bertindak secara bijak di Internet.

Katanya, sudah beberapa tahun sejak program sebegitu diperkenal di sekolah. Namun, Dr Lee berkata setakat ini tiada kajian bersistem yang menilai kemajuan pelajar dalam bidang itu.

“Program kesejahteraan siber menghuraikan isu asas. Namun, usaha itu fokus pada generasi muda. Barangkali pendidikan awam sebegitu perlu diadakan dan disesuaikan bagi warga dewasa,” ujarnya.

Tambahnya, fenomena mengutamakan teknologi berbanding inte-

raksi sesama insan berlaku disebabkan meluasnya kehadiran teknologi digital dan wadah media sosial hari ini. Malah, teknologi itu melingkari hampir setiap aspek kehidupan insan pada abad ke-21.

Keterhubungan mendalam dan antara muka (interface) berteknologi tinggi alat bijak menawarkan kemudahan yang tidak terjangkau dek akal 10 tahun lalu.

“Fenomena ini mungkin boleh dijelaskan menerusi ‘technological determinism’ (penentuan teknologi), iaitu teori yang mengusulkan bahawa teknologi boleh menjejaskan masyarakat, bahkan nilai budaya, secara keseluruhannya.

“Teknologi juga memberi kesan besar ke atas kelakuan, malah pemikiran seseorang. Justeru, kelakuan dan tanggapan insan sudah pun berubah mengikut peredaran teknologi,” ujar Dr Lee. – **NURUL AIN RAZALI**